

Kementerian timbang kenaikan gaji pembantu rumah Indonesia

S.H 619109 M1510

SIKAMAT – Kementerian Sumber Manusia belum bercadang membuat apa-apa pengumuman mengenai usul Kerajaan Indonesia mahu menaikkan gaji pembantu rumah Indonesia daripada RM400 kepada RM600 sebelum mendapat keputusan rasmi Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Malaysia - Indonesia semalam.

Menterinya, Datuk Dr S Subramaniam berkata, segala keputusan mengenai usul tersebut hanya akan dibuat selepas mesyuarat tersebut berakhir.

"Saya telah maklumkan kepada pegawai mengenai perkara yang perlu dibincangkan pada mesyuarat tersebut dan kita hanya perlu tunggu hasilnya.

"Jika perbincangan pada pertemuan dua hala telah mencapai kata sepakat dan keputusan diperolehi, kementerian sedia mengkaji semula. Buat masa ini, saya tidak dapat

memberi sebarang penjelasan kepada anda (pemberita)," katanya pada sidang media yang diadakan di sini.

Terdahulu, Subramaniam merasmikan Program 'Train & Place' anjuran kementeriannya di Kolej Tafe, Seremban dekat sini, semalam.

Menurutnya, Malaysia tidak mempunyai masalah dalam mempertimbangkan sebarang permintaan kenaikan gaji daripada negara Asean yang membekalkan sumber tenaga kerja, bagaimanapun terpulang kepada kerajaan dalam memutuskannya.

Berkenaan laporan media Indonesia, Subramaniam mengulas, tekanan tersebut menyebabkan pelbagai perkara semuanya bersangkutan seperti isu pasport serta pembayaran gaji yang membabitkan pembantu rumah.

Katanya, kerajaan Malaysia sebolehnya bersikap adil dalam semua segi.